"They are convenient for checking and harvesting and can be mon-



New beginning: Sim (in white shirt) handing over juvenile fish to fishermen at Kampung Nelayan Kukup in Johor.

itored online," he said.

Sim also said that Kukup would be the site for the pilot project on the use of the HDPE floating cages and if successful, it would replace

all traditional fish cages.

"The Fish Research Institute will conduct a study for two years to find the best location for the new technology," he said.

19/10/2019

SINAR
HARIANSINAR N9/
MELAKA/
JOHOR

38

'Renjatan elektrik tangkap ikan adalah salah'

MERSING - Menangkap ikan dengan renjatan elektrik bukan kaedah baharu yang digunakan pihak tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, kaedah itu tidak diketahui umum namun digunakan termasuk di kawasan pulau untuk mendapatkan pelbagai spesies marin.

"Penggunaan elektrik ini cara lama cuma kita tidak tahu. Di pulau, daripada dulu sampai sekarang mereka kutip semua termasuk gamat," katanya kepada pembentara ketika ditemui pada Program Pelancaran Tukun Rekreasi dan Tukun Ulang Kara Bersama Komuniti Perikanan di sini kelmarin.

Pada 10 Oktober lalu, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

(APMM) menahan nelayan Vietnam yang menangkap ikan menggunakan kaedah renjatan elektrik di perairan Pulau Tokong Burung dekat Kuala Rompin, Pahang.

Munir berkata, kegiatan itu boleh ditangani jika orang ramai terus menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa.

"Setiap Taman Laut di Malaysia ada renjer. Orang kampung kita sebagai *local heroes* dan kita ada penguat kuasa. Jadi kalau kita bekerjasama akan berjaya.

"Kita juga seperti polis tidak hanya bertugas di tepi jalan raya sahaja. Ada masa tertentu sahaja jadi masa lain itu kita perlukan maklumat kepada pusat operasi. Jika kita tidak ada maklumat kita tak boleh ambil tindakan," katanya.



MUNIR

MERSING - Pencemaran mikroplastik dikesan manusia di ancaman kepada manusia yang memasuki sistem rangkaian makanan melalui ikan termasuk di Malaysia.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, hasil kajian awal menunjukkan sumber protein utama negara terjejas susulan pencemaran mikroplastik.

"Pada Oktober 2018, kajian saintis antarabangsa menemukan mikroplastik dalam najis manusia, jadi kita jalankan kajian awal.

"Hasil awal menunjukkan Malaysia tidak lari daripada pencemaran mikroplastik. Lokasi kita tak dedahkan dulu, tunggu keputusan akhir," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Taman Laut Mersing di sini kelmarin.

Menurutnya, isu pencemaran mikroplastik menyebarkan manusia terus me-

makan plastik daripada ikan jika tidak ditangani segera.

"Jika tak diselesaikan, kita akan terus menerus makan plastik dalam amaun yang banyak tanpa mengetahui kesannya. Jadi kita perlu hentikan penggunaan plastik.

"Ia bukan bermaksud kita sengaja makan tapi plastik itu memasuki sistem pemakanan di mana plastik yang dibuang di sungai akan masuk ke laut dan ikan kecil makan plastik ini.

"Ikan besar makan pula ikan kecil dan kita makan ikan besar tersebut. Selama ini, kita ingat plastik tidak mengancam kesihatan manusia tapi penemuan saintis itu membuktikan kesan perbuatan manusia," katanya.

Katanya, Kementerian akan mengemukakan kepustakaan kajian pencemaran mikroplastik di perairan Malaysia yang dijangka dipertahankan oleh tahun depan.

Malaysia diancam pencemaran mikroplastik



Pada
Oktober

2018 kajian saintis antarabangsa menemui mikroplastik dalam najis manusia, jadi kita jalankan kajian awal."

- Tze Tzin

Stok ikan semakin berkurangan

Saiz ikan juga semakin mengecil akibat kerakusan manusia

KUALA TERENGGANU

Stok ikan di perairan Malaysia kini semakin berkurangan dan saiznya semakin mengecil akibat kerakusan manusia.

Pensyarah kanan bidang Teknologi Alatan Perikanan dan Ekologi Perikanan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Fazrul Hisam Abd Aziz berkata, 15 tahun lalu nelayan mampu mendapatkan ikan bersaiz besar dengan mudah berbanding sekarang dan ia menjadi salah satu penanda aras tekanan terhadap stok perikanan negara.

Menurutnya, salah satu punca hakisan stok adalah penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal (*illegal, unreported and unregulated fish-*



Dr Mohd Fazrul Hisam ketika temu bual di Kuala Terengganu baru-baru ini.

hing- IUU).

"Isu IUU ini boleh memberi kesan dalam jangka panjang terhadap stok perikanan di Malaysia. Selain ikan komersial, mangsa utama kegiatan IUU ini adalah hidupan laut dan ikan yang tidak mendapat permintaan yang tinggi di pasaran.

"Contohnya, ikan lumba-

naan ikan perkapita di Malaysia meningkat daripada 46 kilogram kepada 55 kilogram dari 2010 ke 2019.

Menurutnya, dijangkakan juga pendaratan ikan marin akan meningkat sebanyak 2.9 peratus iaitu daripada 1.23 juta tan metrik pada 2010 kepada 1.76 juta tan metrik pada 2020, malah permin-taan produk berasaskan perikanan meningkat dari tahun ke tahun dan sekali gus meningkatkan lagi tekanan pada stok perikanan sedia ada.

"Permintaan yang tinggi menyebabkan pengusaha perikanan mencari seribu satu cara bagi memenuhi permintaan di pasaran.

"Antara teknik yang diharamkan di Malaysia tetapi masih digunakan secara berleluasa ialah racun, elektrik, rawai dan letupan hingga memberi tekanan besar kepada stok ikan.

"Penggunaan racun atau tuba merupakan salah satu teknik IUU yang digunakan pada musim kemarau serta digunakan pada air tawar apabila perairan menjadi

cetek," katanya.

Mohd Fazrul berkata, tuba juga boleh memberi kesan kepada mereka yang memakan ikan yang ditangkap menggunakan teknik tersebut.

Menurutnya, antara ciri-ciri yang mudah kelihatan pada ikan yang telah dituba adalah perutnya lebam dan berwarna biru, malah ikan juga mudah berbau serta mengeluarkan lendir yang banyak.

"Bom juga digunakan sebagai bahan mencari ikan secara berleluasa tanpa menyedari ia mengandung bahan kimia sianida yang boleh memudaratkan mereka yang memakan ikan tersebut.

"Tahun ini sahaja, sebanyak 43 kes pengeboman telah direkodkan di Semporna, Sabah," katanya.

Selain itu, Mohd Fazrul berkata, penjarahan sumber perikanan oleh nelayan asing juga semakin berleluasa sehingga Malaysia kerugian RM6 bilion setahun walaupun pihak berkuasa cuba mengatasinya. - *Bernama*

Headline	Fruits and vegetables export is impacted by complicated procedures		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau (Northern)		
Date	19 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	16,000
Page No	B5	Readership	48,000
Language	Chinese	ArticleSize	764 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,398
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,194



何子扬：削弱竞争优势

繁文缛节打击蔬果出口

【金马仑 18 日讯】金马仑丹那拉打州议员办公室主任何子扬要求政府，正视大马蔬菜花果出口业者的困境，检讨我国蔬菜花果的出口规范中的重叠性及繁文

缛节。他指出，大马蔬菜花果出口规范中的上述问题存在已久，长久下来势必削弱我国的农产品出口优势。

“目前本地蔬菜的评级、包装与标签 (GPL) 规范存在着许多重叠的地方，让出口农产品业者被迫输入重复性的资料，增加处理非关税壁垒所需的人力和时间。”

他呼吁政府整合相关规范，以省回省力，进而加强国家出口农产品的竞争力，协助达成联邦政府逐步强化农业领域的经济调整方针。

他日前出席由马来西亚生产力机构在金马仑酒店举办的一场四方会谈的对话会后，发文章这么指出。

出席会谈者达约 50 人，包括农业部、大马检疫及检验局 (MAQIS)、大马联邦农业销售局 (FAMA) 代表与金马仑农民，就大马农业出口所面临的挑战与困境交换意见。

农业及农基工业部国际单位助理秘书罗斯丽莎指出，该单位将仔细研究各项建议的可行性，解决农民在出口方面所面对的难题。



金马仑蔬菜花农踊跃出席马来西亚生产力机构举办的四方会谈。

越南花业出口或赢金马仑

金马仑花业协会副主席黄承毅以各类数据，讲解金马仑花业的出口状况，指出当地整个花业出口行业都有逐渐没落趋势。

他认为，大马过多且繁重的非关税壁垒是原因之一，导致农民在出口农产品方面须应付重重困难，耗时与重复的程序，使我国农业的出口逐渐失去竞争力。

“若政府不给予正视，金马仑花业未来可能被东盟中的后起之秀——越南超越。”

金马仑菜农公会总务蔡依猛认同非关税壁垒对农业出口所带来的影响，并认为政府应尽量减少出口的繁文缛节，降低出口农产品所需的费用，以行动鼓励本地农民提高农业生产力，为国家

的农业打下坚实基础，也能让更多农产品出口到国外为我国带来丰厚收入。

出席者包括大马联邦农业销售局代表阿祖万、大马检疫及检验局政策与策划单位主任沙祖万、金马仑花业协会李内富、金马仑菜农车主公会主席关毅夫、金马仑农业协理谢睿腾。



PEGAWAI Penyiasat Maqis memeriksa ayam sejuk beku yang dirampas dalam satu operasi menghalang cubaan membawa masuk dua kontena ayam sejuk beku dari Hong Kong.

Tumpas cubaan seludup ayam sejuk beku dari HK

Peiabuhan Klang: Cubaan menyeludup masuk produk ayam sejuk beku dari Hong Kong melalui Pelabuhan Bangkok di sini, berjaya dipatahkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Isnin lalu.

Produk terbabit dibawa menggunakan dua kontena seberat 5.8 tan oleh syarikat pengimport tempatan tanpa permit import Maqis yang sah serta tidak mematuhi syarat berikutan tiada sijil kesihatan veterinar dari negara asal dan sijil halal.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Sim Tze Tzin berkata, pe-

meriksaan lanjut mendapati syarikat itu juga cuba menyalurkan pihak berkuasa dengan mengisytihar kontena yang dibawa sebagai mi wantan.

Menurutnya, label pada setiap kotak berisi ayam itu menunjukkan konsainan dikeluarkan daripada loji sembelihan dari Brazil dan Poland.

"Loji sembelihan itu tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Sehubungan itu, Maqis merampas sejumlah 5.8 tan produk terbabit yang dianggarkan bernilai RM818,508,"

katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Sim berkata perbuatan mengimport produk tanpa permit itu adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Katanya, sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.

"Wakil syarikat dan ejen import diambil keterangan untuk diserahkan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya," katanya.

2 kontena ayam sejuk beku tak diiktiraf sembelihan dirampas

Pelabuhan Klang: Diisytihar mengandungi mi wantan, sebaliknya dua kontena disumbat 51.78 tan ayam sejuk beku yang penyembelihannya tidak diiktiraf pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Produk dianggarkan bernilai RM818,508.60 diimport dari Brazil dan Poland menggunakan dua kontena itu dirampas pihak berkuasa di Pelabuhan Barat dalam satu operasi kira-kira jam 10 pagi, Isnin lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata siasatan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQJS) mendapati pengimport terbabit menjalankan perniagaan barang makanan kering, mengisytiharkan ayam sejuk beku itu sebagai mi wantan bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

"Ayam sejuk beku berkenaan didapati daripada loji sembelih yang tidak diiktiraf DVS dan JAKIM, selain tiada Permit Im-

port MAQJS.

"MAQJS turut mengambil keterangan wakil syarikat dan ejennya untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang media di MAQJS Pelabuhan Klang Barat, di sini, semalam.

Kesalahan dilakukan syarikat tempatan itu akan disiasat mengikut Seksyen (11) (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 dan Seksyen 15 akta sama.

Jika sabit kesalahan, pemilik syarikat boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Tze Tzin berkata, sekiranya mahkamah memerintahkan ayam itu dilupus, pihaknya menyerahkannya kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) untuk diberi makan kepada haiwan di zoo jika ia didapati tidak mudaratkan.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 645 rampasan makanan segar membabitkan nilai keseluruhan RM47 juta dilakukan se-



Tze Tzin (tengah) menunjukkan ayam sejuk beku dirampas MAQJS pada sidang media di Pelabuhan Klang Barat, semalam.

[Foto Saddam Yusoff/BH]

panjang tahun ini.

Katanya, MAQJS perlu sentiasa melakukan kawalan ketat kerana makanan tidak diiktiraf boleh memberi kesan terhadap keselamatan, selain umat Islam ter-

dedah kepada makanan tidak halal.

"Penyeludupan ini juga akan memberi kesan terhadap perkembangan bidang pertanian dan penternakan," katanya.

Cubaan seludup ayam beku gagal

MAQIS menahan dua kontena bernilai RM818,508 di Pelabuhan Klang

HASNIZA HUSSAIN

PELABUHAN KLANG

Taktik licik sebuah syarikat pengimport makanan kongkol menyeludup masuk produk ayam sejuk beku dari Hong Kong bernilai lebih RM818,508.60 berjaya dipampaskan selepas kegiatan itu di kesan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Dalam operasi yang dijalankan pada jam 10 pagi Isnin lalu itu, MAQIS menahan dua buah kontena yang cuba membawa produk ayam sejuk beku terbit seberat 51,870 kilogram melalui pintu masuk MAQIS Pelabuhan Barat di sini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim

Tze Tzin berkata, siasatan menunjukkan produk itu diimport tanpa permit sah daripada MAQIS serta tidak mematuhi syarat import iaitu tidak memiliki sijil kesihatan veterinar dari negara asal serta sijil halal.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut mendapati pengimport juga cuba mengelirukan pihak berkuasa dengan mengisytiharkan kontena dibawa sebagai mi wantan dan pemeriksaan pada label setiap kotak berisi ayam sejuk beku turut menunjukkan ia dikeluarkan dari negara pada loji sembelihan dari negara Brazil dan Poland.

Menurutnya, loji sembelihan di kedua-dua negara itu tidak diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Susulan itu, MAQIS merampas dan menyita kesemua konsainan tersebut untuk tindakan lanjut. Rampasan kali ini merupakan rampasan terbesar oleh MAQIS setakat ini.

"Kita juga sudah mengambil keterangan ejen serta wakil sya-



Sebahagian produk ayam sejuk beku dari Hong Kong bernilai RM818,508 yang berjaya dirampas MAQIS dalam operasi pada Isnin lalu.



Tze Tzin (tengah) bersama Saiful Yazan (kanan) dan Dr Tamisai menunjukkan hasil rampasan ayam beku di Ibu Pejabat MAQIS Pelabuhan Klang Barat semalam.

rikat terlibat bagi membantu siasatan. Kesemua rampasan akan disimpan oleh MAQIS dan ditentukan sama ada akan dipus atau tidak selepas kes selesai di mahkamah," katanya pada sidang akhbar di Pejabat MAQIS Pelabuhan Barat di sini semalam.

Menurutnya, perbuatan mengimport ayam sejuk beku tanpa permit yang sah adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Aka 728), manakala ketidaktahuan kepada syarat pula adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 15 akta

yang sama.

Katanya, kedua-dua kesalahan itu boleh didenda di bawah akta yang sama dengan denda tidak melebihi RM100,000 atau boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali.

Turut hadir, Ketua Pengarahnya, Saiful Yazan Alwi dan Pengarah MAQIS Negeri Selangor dan Negeri Sembilan, Dr Tamisai Alimi.

Dalam pada itu, Tze Tzin turut memuji tahap kecekapan MAQIS dalam mengendalikannya kes tersebut.

Sementara itu, bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 30 September 2019, MAQIS berjaya membuat sebanyak 645 tangkapan atas kesalahan pelanggan

atas makanan segar seperti buah-buahan, sayur-sayuran, daging, ayam serta produk pertanian bernilai lebih RM47 juta.

Headline	Maqis rampas 51.87 tan ayam sejuk beku		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	19 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	1	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	137 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 303
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 910



Maqis rampas 51.87 tan ayam sejuk beku

PELABUHAN KLANG: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 51.87 tan ayam sejuk beku bernilai RM818,508 yang cuba diseludup masuk ke negara ini tanpa permit import di Pelabuhan Barat, di sini, Isnin lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata, produk makanan tersebut dikesan dalam satu pemeriksaan kira-kira pukul 10 pagi ke atas dua kontena sejuk beku dari Hong Kong yang mengisytiharkan barangan dibawanya sebagai mi wantan.

Beliau berkata produk ayam potong tersebut dikeluarkan oleh pusat penyembelihan dari Brazil dan Poland yang tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Siasatan juga mendapati syarikat yang mengimport produk itu tidak mematuhi syarat import kerana barangannya tidak mempunyai sijil kesihatan veterinar dari negara asal dan sijil halal," katanya dalam sidang media, di sini, kelmarin.

Justeru, katanya, MAQIS telah mengambil keterangan wakil syarikat dan ejennya untuk tindakan lanjut kerana melanggar peruntukan Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Jika sabit kesalahan, pemilik syarikat boleh dikenakan denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-dua sekali.

Dalam perkembangan berkaitan, setakat Januari hingga September lalu, sebanyak 645 rampasan bernilai RM47 juta dilakukan MAQIS atas kesalahan mengimport bahan makanan seperti sayur-sayuran, ayam, daging, buah-buahan serta bahan pertanian tanpa permit dengan 293 kompaun dikenakan kepada pihak terlibat.

Mengulas mengenai African Swine Fever (ASF), beliau berkata agensi berkaitan sentiasa memperkasakan pemeriksaan terhadap pengimportan daging serta produk berkaitan babi dari negara luar sebagai langkah berjaga-jaga terhadap penularan penyakit itu.

Bagaimanapun, katanya, sejak Januari hingga September lepas, sebanyak 4.6 tan daging serta produk daripada babi dirampas kerana dibawa masuk dari negara luar tanpa permit oleh rakyat tempatan serta pelancong. -Bernama

Headline	MAQIS seizes 50,000kg of illegal frozen chicken meats		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	19 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A3	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	247 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,742
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,227



進口商申報指是雲吞麵 檢疫局起5萬kg非法冷凍雞

（巴生18日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤说，大马检疫及检验局起获从香港运至我国5万1870公斤的非法进口冷冻鸡肉，市值达81万8508令吉60仙。

他说，进口商申报指这两个集装箱所装的是云吞面，企图躲过执法组的耳目，所幸执法组进一步展开调查，发现里面所装的都是冷冻鸡肉，而且没有原产国兽医局的卫生证书和清真认证。

沈志勤今日在大马检疫及检验局总监赛夫、副总监阿兹哈里及雪州兼森美兰检疫及检验局局长达尔米沙陪同下，在位于巴生西港的大马检疫及检验局办公室记者会上说，该批冷冻鸡肉是从香港运至我国，不过每一盒鸡肉外都贴有原产于波兰和巴西宰鸡厂的标签。有关宰鸡厂是不受我国兽医局与大马伊斯兰发展局所承认的。

他说，由于进口商无法出示任何合法证件，因此已触犯2011年大马检疫及检验服务第728条法令第11（1）条文，一旦罪成，将可在同一法令第15条文下被罚，即不超过10万令吉罚款，或监禁不超过6年，或两者兼施；目前负责的公司和代理已接受调查工作。

沈志勤道出，一般上，当局充公这些鸡肉直到法庭作出裁决，若法庭决定销毁鸡肉，当局就会将鸡肉转交给野生动物保护及国家公园局，再由该局转交给动物园。

“大马检疫及检验局（MAQIS）必须把关严谨，务必确保所有进口至我国的农产品都符合规格，否则将影响消费者的健康安全。”

此外，沈志勤透露，大马检疫及检验局在今年1月至9月30日，共逮捕645

人，平均每天至少逮捕2人，而涉及的款项达4700万令吉。所起获得的物品各别是新鲜的蔬菜、鸡肉、水果及各种农产品等。

（TSI）

■ 沈志勤（左二）在阿兹哈里（右起）、赛夫及达尔米沙（左）陪同下展示起获的冷冻鸡肉。



Headline	Maqis seizes 51.87 tonnes of frozen chicken without permit, halal status		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	19 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	119 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 332
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 996



Maqis seizes 51.87 tonnes of frozen chicken without permit, halal status

PORT KLANG: The Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) busted attempts to bring in 51.87 tonnes of frozen chicken without a valid import permit worth RM818,508 in the West Port here last Monday.

Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze

Tain said the food product was detected in an operation at about 10 am on two frozen containers from Hong Kong that declared the consignment as wonton noodles.

Further investigation found boxes containing cut chicken displayed as the raw products were slaughtered in Brazil and Poland,

which were not recognised by the Department Of Veterinary Services Malaysia and the Malaysian Islamic Development Department (Jakim).

The importers were trying to mislead the authorities by declaring the goods as wonton noodles.

The investigation also found that the company did not comply with the import requirements as the products did not have a veterinary health certificate from the country of origin, as well as a halal certificate," he said at a press conference here yesterday.

According to Sim, a

representative of the company and an agent had their statements recorded for further actions because they failed to comply with the import rules under Section 11 (1) of the Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728).

If convicted, one can be fined not more than RM100,000 or

imprisoned for a term not exceeding six years or both.

Commenting further, Sim said Maqis was very serious in curbing the importation of frozen chicken without permits and halal status compliance as it could affect the nation's biosecurity and food security - Bernama

Headline	51.9 tonnes frozen chicken without permit seized		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	19 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	8	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	330 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,500
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,500



51.9 tonnes frozen chicken without permit seized

PORT KLANG: The Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS) busted attempts to bring in 51.87 tonnes of frozen chicken without a valid import permit worth RM918,508 in the West Port here last Monday.

Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin said the food product was detected in an operation at about 10am in two containers from Hong Kong that declared the consignment as wonton noodles.

Further investigation found boxes containing cut chicken displayed as the raw products were slaughtered in Brazil and Poland which were not recognised by the Department of Veterinary Services Malaysia and the Malaysian Islamic Development Department (Iakim).

The importers were trying to mislead the authorities by declaring the goods as wonton noodles.

The investigation also found

that the company did not comply with the import requirements as the products did not have a veterinary health certificate from the country of origin, as well as a halal certificate, he said at a press conference here yesterday.

According to Sim, a representative of the company and an agent had their statements recorded for further actions because they failed to comply with the import rules under Section 11 (1) of the Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728).

If convicted, one can be fined not more than RM100,000 or imprisoned for a term not exceeding six years or both.

Commenting further, Sim said MAQIS was very serious in curbing the importation of frozen chicken without permits and halal status compliance, as it could affect the nation's biosecurity and food security.

Besides, he said importing chicken without halal certificates would expose risks to the

Muslim community of obtaining food that does not comply with Islamic teachings.

MAQIS has conducted about 645 raids nationwide involving RM47 million for the offence of importing food items such as vegetables, poultry, meat, fruits, and agricultural material without a permit from January until September.

About 293 compound notices were issued in the same period.

Meanwhile, in another development, Sim said stringent checks were carried out at the country's border on imported meat and pork products from abroad as a precautionary measure against the spread of the African Swine Fever (ASF) epidemic.

Approximately 4.6 tonnes of meat and pork products were seized without a valid permit from local and foreign visitors for the first nine months, he said, adding Malaysia remains free from the ASF disease for now. — Bernama



Sim (second left) shows the product without a valid import permit to reporters in Port Klang. Maqis director Saiful Yazan Alwi is at second right. — Bernama photo

Headline	Bermula tiga perisa, kini mampu hasil 17 perisa kerepek ubi		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	19 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	5	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	298 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 633
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,900



Bermula tiga perisa, kini mampu hasil 17 perisa kerepek ubi

BERMULA dengan hanya menghasilkan kerepek ubi kayu dengan tiga perisa secara kecil-kecilan pada 2007, Sariaman Sabur kini mampu berbangga apabila berjaya menghasilkan 17 jenis perisa kerepek ubi kayu hasil keluaran perusahaannya.

Perusahaan yang diberi nama De' SR Resepi terletak di Kampung Muhibbah, Tawau, Sariaman, 37, berkata pada awalnya beliau hanya menghasilkan kerepek ubi perisa biasa, pedas dan karamel sebelum mengikuti kursus di bawah bimbingan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (Mardi) pada 2012.

Berkongsi kisah kepada penulis baru-baru ini, sebelum mengikuti kursus itu beliau hanya mampu memperoleh pendapatan sebanyak RM8,000 sebulan namun selepas itu bertambah kepada RM12,000 malah pada musim perayaan boleh mencecah RM20,000 hingga RM24,000 sebulan.

"Selain tiga jenis itu, antara perisa kerepek yang telah dibuat ialah lada hitam, susu, coklat, kacang hijau, pedas berapi yang paling laris dan yang terbaharu kerepek perisa telur masin.

"Pelanggan juga boleh menempah perisa yang mereka kehendaki seperti tomato, tuhau (tumbuhan herba) ataupun sederhana pedas," katanya ketika ditemui pada program tinjauan mesra 'Sixteen Walkabout' anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) ke Sabah di Kampung Muhibbah, Tawau, awal bulan ini.

Beliau berkata idea menghasilkan kerepek itu timbul selepas berpindah ke Sabah pada awal 2007 dari Semenanjung selepas tidak lagi mengusahakan restorannya yang dikenali sebagai restoran Ani Sup Utara di Pasar Borong, Selayang, Selangor.

Katanya, ketika itu bahan mentah iaitu ubi kayu mudah didapati selain murah hanya 20 sen sekilo yang diperolehi sekitar Kunak dan Tawau.

"Asasnya menggunakan ubi kayu yang kosong cuma yang membezakannya ialah serbuk perisa yang digunakan. Ubi kayu itu akan dihancurkan sebelum

dicampur dengan kanji, dicanai, kukus, jemur dan akhirnya digunting," katanya yang mampu menghasilkan satu tan kerepek sebulan.

Ibu kepada lima cahaya mata dan bakal menimang anak keenam itu berkata beliau bersama suami turut dibantu lima pekerja tetap dan pada musim perayaan beliau terpaksa menambah sehingga 20 pekerja sambilan bagi menampung permintaan.

Sementara itu, pengusaha keropok amplang Kasmah Basiran, 63, yang mengusahakan makanan itu sejak 2000 kini berhasrat untuk mempromosikan keropok hasil buatannya ke peringkat antarabangsa sekali gus membawa nama Kampung Marotai Besar agar lebih dikenali.

Ibu kepada enam cahaya mata itu berkata beliau menerima bantuan antaranya daripada pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Jabatan Perikanan, Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan).

Beliau berkata sebanyak 1,000 kilogram amplang yang terdiri daripada pelbagai perisa antaranya udang, ketam, sotong dan ikan, mampu dihasilkan dalam sehari dan dijual pada harga RM16 sekilo dan sudah menembusi pasaran Sarawak serta Brunei selain ke Semenanjung.

"Ketika ini saya masih menggunakan cara manual tanpa bergantung sepenuhnya kepada mesin kerana jika semua proses pembuatan itu menggunakan mesin, bagaimana kita dapat memberi peluang pekerjaan kepada belia tempatan," katanya yang kini mempunyai 22 pekerja terdiri daripada belia di sekitar kawasan itu.

Projek pemprosesan amplang itu merupakan program di bawah 'My Kampung My Future' (MKMF) yang menyasarkan agar para belia terus berada di kampung dan menjalankan aktiviti pertanian dan bukan pertanian untuk meningkatkan pendapatan belia serta komuniti setempat. - Bernama